



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA

WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051

Email: kp@dvs.gov.my / pro@dvs.gov.my



KENYATAAN MEDIA MENGENAI ISU KARTEL PENGIMPORAN DAGING INDIA

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) terbuka menerima pandangan dan cadangan daripada mana-mana pihak termasuk YB Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang ingin melihat suatu perubahan di dalam industri pengimportan daging lembu, kambing dan kerbau. Ini adalah penting untuk memastikan penyertaan lebih banyak syarikat bumiputera di dalam perniagaan pengimportan daging kerbau dan lembu. Pendekatan yang perlu diambil adalah untuk melihat model perniagaan yang bersesuaian dan mempunyai ciri-ciri daya saing yang kuat. DVS sangat setuju untuk konsortium bumiputera ditubuhkan bagi memastikan penyertaan bumiputera yang lebih berkesan.

Di dalam hal ini DVS tidak terlibat di dalam perniagaan dan pengimportan. Peranan DVS adalah hanya untuk mengawal-selia kemasukan haiwan dan produk-produk berasaskan haiwan dari segi status penyakit haiwan dan zoonotik, kebersihan (hygienic) dan keselamatan (safe) daging manakala JAKIM memastikan keperluan halal.

Malaysia mengimport daripada 21 buah negara dan pemeriksaan audit dikendalikan ke atas loji penyembelihan luar negara yang ingin mengeksport daging melalui pemeriksaan berdasarkan :

- i) Status penyakit haiwan dan zoonotik
- ii) Amalan perkilangan yang baik (*Good Manufacturing Practices* atau *GMP*),
- iii) *Hazard Analysis Critical Control Point* (*HACCP*)
- iv) Halal.

Loji penyembelihan perlu menepati kesemua keperluan di atas sebelum diberi kelulusan. Ianya dilakukan untuk memastikan

DAGING DIHASILKAN BEBAS PENYAKIT, SELAMAT DIMAKAN DAN HALAL TERJAMIN. Ini adalah satu amanah yang perlu dipikul untuk memastikan rakyat dapat membeli daging yang suci, bersih dan selamat daripada loji penyembelihan yang mempunyai amalan sistem kualiti yang tinggi.

Proses audit ke atas loji penyembelihan yang dilaksanakan adalah secara berjadual (diketahui tarikh dan masa pemeriksaan), menggunakan piawaian yang diketahui umum (MS 1514:2009, MS 1480:2007 dan Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia (APTVM)23(h):1/2014 Pengauditan Abatoir Dan Loji Pemprosesan). Walaupun demikian masih terdapat loji-loji penyembelihan yang tidak menepati piawaian. Jika ini berlaku ia menunjukkan amalan sistem kualiti tidak diberi penekanan dan sudah tentu loji tersebut tidak lulus untuk tujuan eksport daging.

Senarai loji yang diberi kelulusan dipaparkan kepada umum dan sesiapa boleh mengakses portal <http://www.dvs.gov.my/index.php/pages/view/299> untuk melihat senarai dan menghubungi terus loji untuk tujuan mengimport daging kerbau, lembu dan kambing. Di peringkat jabatan, tiada apa-apa sekatan dikenakan kepada syarikat yang ingin mengimport. Walaubagaimana pun jika ada syarikat yang menghadapi masalah untuk berurusan dengan loji yang diberi kelulusan eksport boleh menghubungi DVS untuk bantuan.

Disediakan oleh;

DATO' DR. QUAZA NIZAMUDDIN BIN HASSAN NIZAM

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar

12 September 2017